

MENJAGA DAN MEMULIHARA ALAM DAN PERSEKITARAN

GROUP 3: HUDA, INAS, AIMIE, AINA, HUSNA



PENGERTIAN

1. Alam bermaksud bumi dan segala yang ada di permukaan. Persekitaran pula bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat.
2. Menjaga membawa maksud menjaga dengan baik.
3. Memelihara pula bermaksud memulihkan serta memelihara. Ia juga bermaksud melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan baik.
4. Kita sebagai makhluk Allah S.W.T, perlulah menggunakan akal kita untuk memikirkan kejadian alam ini. Alam yang serba indah ini perlulah dihargai dengan menjaganya, bukan merosakkannya.



Dalil Naqli Tuntutan Menjaga Dan Memulihara Alam Sekitar

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Qasas ayat 77

28:77

to top

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ
مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي
الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Malay

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

Jabir bin Abdullah R.Anhu berkata: ada beberapa orang daripada kami mempunyai simpanan tanah. Lalu mereka berkata: kami akan sewakan tanah itu dengan sepertiga hasilnya, seperempat dan seperdua. Rasulullah S.A.W bersabda: barangsiapa ada memiliki tanah, maka hendaklah dia tanami atau serahkan kepada saudara (untuk dimanfaatkan), jika dia enggan, hendaklah dia menjaganya.

(RIWAYAT BUKHARI)

Seluruh alam akan terjejas kerana kecuaiian manusia dalam menjaganya.

Tanggungjawab menjaga dan memulihara alam dan persekitaran.

1. Tidak melakukan kerosakan.
2. Memelihara dalam persekitaran
3. Menjaga hidupan lain
4. Menjaga sumber alam
5. Menghargai dengan bersyukur



Kepentingan menjaga dan memulihara alam dan persekitaran

- Melahirkan jiwa yang sentiasa bersyukur
- Mengelakkan penularan wabak penyakit berbahaya akibat mengabaikan aspek kebersihan di kawasan tempat tinggal
- Memastikan keindahan alam dapat dipelihara dan dinikmati oleh generasi akan datang
- Menjaga ekologi dan ekosistem kerana setiap hidupan di bumi saling bergantung antara satu sama lain
- Memastikan generasi akan datang dapat menikmati sumber tenaga dari hasil galian di samping kelestarian alam semula jadi



USAHA-USAHA DAN TINDAKAN UNTUK MENJAGA DAN MEMULIHARA ALAM DAN PERSEKITARAN

INDIVIDU

- Mendidik ahli keluarga untuk menjaga kebersihan di sekeliling tempat tinggal.
- Menanam pokok bagi menyahut seruan bumi hijau.
- Mengambil peduli tentang persekitaran seperti menasihati jiran yang membuang sampah merata rata.

MASYARAKAT

- Mengadakan program ceramah kesedaran berkaitan kepentingan alam sekitar.
- Mengadakan program kemasyarakatan seperti gotong-royong secara berkala.
- Menjalankan kempen kitar semula dalam kalangan anggota masyarakat.

NEGARA

- Mewartakan lebih banyak kawasan hutan simpan bagi menjaga kelestarian alam.
- Menggubal akta atau undang-undang yang lebih tegas terhadap pihak yang mencemarkan alam sekitar.
- Mewujudkan subjek pendidikan alam sekitar yang dijadikan mata pelajaran wajib atau kokurikulum di peringkat sekolah.

**Thank You for lending
your ears!**

